

TARIKH : 07 OGOS 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

EAC tumpu pembaharuan institusi awam

Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) menumpukan kepada beberapa teras utama dalam pelan pemulihran ekonomi jangka panjang, termasuk pembaharuan pentadbiran awam pasca pandemik COVID-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kerajaan menerusi EAC, mengadakan beberapa siri bengkel dalam usaha memulihkan ekonomi.

Beliau berkata, bengkel diadakan semalam menumpukan kepada institusi awam dan tadbir urus adalah siri kelima dianjurkan EAC.

Katanya, setakat ini, bengkel dikendalikan EAC itu menumpukan kepada beberapa isu laju kesediaan tenaga kerja pada masa depan, memperkasakan ekonomi digital, persediaan bagi perubahan landskap global dan menambah baik kualiti peraturan serta pasaran.

"Hari ini (semalam) kita me-



Mustapa Mohamed

ngadakan siri bengkel kelima bertujuan mendapatkan idea mengenai pemulihran ekonomi. Kita kumpulkan 60 orang penjawat awam daripada pelbagai kementerian untuk berbincang mengenai cabaran dihadapi masa kini.

"Kita turut membincangkan bagaimana persediaan yang boleh kita buat untuk menghadapi cabaran mendatang selepas COVID-19," katanya kepada media selepas menyampaikan kata alih-aluan pada bengkel itu, di

sini, semalam.

Beliau berkata, antara persediaan dalam mendepani pasca COVID-19 ini, sektor kerajaan harus mengambil inisiatif menggalihkan semula penjawat awam mengikut keperluan semasa dalam fasa pemulihran ini.

"Kita harus berlaku adil. Terdapat sektor yang mungkin memerlukan lebih kakitangan daripada sebelumnya (COVID-19) dan ada juga sebaliknya. Kita juga harus melatih pegawai kita mahir dalam bidang kini dan masa hadapan," katanya.

Meskipun pandemik ini memberikan banyak cabaran kepada negara, Mustapa berkata, ia juga membuka ruang kepada kerajaan melaksanakan transformasi dari segi perancangan ekonomi dan pentadbiran secara keseluruhan.

"Ini peluang kita melaksanakan dasar baharu, landskap global juga berubah apabila kebanyakan negara kini sedang melindungi

kepentingan mereka, berbanding perlagangan bebas sebelum ini.

"Peluang ini kita akan gunakan untuk pastikan kita ada dasar yang mantap, seterusnya memastikan Malaysia dapat mengukuhkan lagi kedudukannya," katanya.

Melalui pemantauan berterusan dilaksanakan EAC, beliau berkata, sudah terdapat tanda pemulihran ekonomi yang semakin mantap, namun masih belum mencapai ke tahap yang baik.

"Kita melihat kepada beberapa angka menunjukkan ekonomi kita semakin pulih, seperti penjualan kendaraan oleh PROTON, yang mencatatkan hasil jualan terbaik untuk tempoh lapan tahun, baru-baru ini dan peningkatan pelancongan domestik.

"Kita harus terus menggalakkan lagi pelancongan domestik dan berharap sektor yang antara paling teruk terkesan oleh COVID-19 ini akan pulih," katanya.

BERNAMA